



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

5 April 2021
22 Syaban 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Bot tunda ulang kesalahan ditahan
Kosmo !	• Kupang, tiram jadi tarikan baharu di PD
Sinar Harian	• Inspirasi bot nelayan tradisional
The Star	•
New Straits Time	• Escaped fish 'illegally' farmed predatory species
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Now	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Free Malaysia Today	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		8	5.4.2021

HM M13 8 5.4.2021

Bot tunda ulang kesalahan ditahan

Lahad Datu: Sebuah bot tunda yang pernah ditahan kerana melanggar syarat lesen perikanan, dikesan sekali lagi melakukan kesalahan sama di perairan Laut Pulau Sakar di sini, kelmarin.

Bot nelayan tempatan itu dikesan Pasukan Polis Marin (PPM) ketika menangkap ikan di kawasan larangan di kedudukan kurang dua batu nautika dari pesisir pantai.

Penolong Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Lahad Datu, Asisten Superintendan Sudirman Latip Karim berkata, bot terbabit dikesan ketika pihaknya melakukan rondaan Op Benteng Covid-19.

"Hasil pemeriksaan mendapati ia bot sama yang melakukan kesalahan serupa sebelum ini.

Susulan itu bot dibawa ke Markas Operasi PPM Lahad Datu untuk tindakan lanjut." katanya dalam kenyataan media, semalam.

Sudirman berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan kompaun RM500 kepada pemilik kapal bagi kesalahan pertama manakala kesalahan kedua RM1,000 dan kesalahan ketiga RM1,500.

Menurutnya, lesen perikanan boleh dibatalkan sekiranya kesalahan berulang dan bot disita.

Beliau turut mengalu-alukan orang awam untuk melaporkan sebarang kesalahan kepada pihaknya dengan menghubungi markas operasi di talian bernombor 013-9808084.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	16	5.4.2021	



ZAMRI (kanan) berbincang dengan seorang penternak kupang ketika turun padang meneroka produk pelancongan baharu untuk diketengahkan di Port Dickson baru-baru ini.

KOSMO MS 16
5.4.2021

Kupang, tiram jadi tarikan baharu di PD

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

PORT DICKSON – Penternakan kupang dan tiram bakal menjadi daya tarikan baharu pelancongan di daerah ini selain keindahan pantai peringinannya yang sedia popular.

Produk agropelancongan itu diteroka oleh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) untuk diketengahkan menjelang Tahun Melawat Port Dickson pada tahun hadapan.

Yang Dipertua MPPD, Zamri Mohd. Esa berkata, penternakan kupang dan tiram di daerah ini mempunyai keunikannya tersendiri.

“Ia agak unik kerana menggunakan kayu yang dipacak untuk dijadikan habitat pembiakan kupang dan tiram, berbeza dengan teknik digunakan di tempat lain.

“Kami berhasrat menyediakan

satu pakej untuk pelancong menyaksikan sendiri penternakan kupang dan tiram di sini, selain aktiviti biasa di pantai dan hotel,” katanya kepada pemberita selepas melawat aktiviti penternakan kupang di Pasir Panjang, di sini baru-baru ini.

Kupang enak dibuat sambal atau digoreng, selain dimasak bersama spageti. Tiram pula biasanya dibakar atau dimakan segar secara mentah.

Menurut Zamri, pihaknya difahamkan aktiviti melawat penternakan kupang di Port Dickson telah mula mendapat permintaan daripada pelancong luar negara seperti pelancong China sebelum ini, namun penutupan sempadan negara telah mengekang pertumbuhannya.

“Kami akan terus mengadakan perbincangan dengan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan bagi mempromosikan produk ba-

haru ini bagi memacu kunjungan pelancong domestik,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, Port Dickson mencatatkan peningkatan pengunjung sebanyak 80 peratus pada setiap hujung minggu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ketika ini.

Saya dimaklumkan hotel telah menerima sambutan baik daripada pengunjung tempatan walaupun dalam tempoh PKPP.

“Saya rasa sekiranya rentas negeri dibuka kepada semua, berkemungkinan kedatangan pengunjung ke Port Dickson akan mencapai peningkatan 100 peratus,” katanya selepas merasmikan pelancaran Negeri Sembilan Food Festival 2021 oleh Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), di sini kelmarin.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19	
							5-4-2021	



Inspirasi bot nelayan tradisional

Bot mini boleh digerakkan menggunakan kawalan jauh dengan kos RM7,000

Oleh NORHASPIDA YATIM

MARANG

Biasanya bot kawalan jauh menumpukan kepada reka bentuk *sporty* dan moden selain kelajuannya diambil kira sebelum dibeli, namun berbeza bagi Mohammad Shahmil Zakaria, 27, yang meminati bot nelayan tradisional.

Pembikinan bot yang boleh digerakkan menggunakan kawalan jauh (RC) itu membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM7,000.

Mohammad Shahmil berka-

ta. reka bentuk bot mini itu mengekalkan keaslian bot tradisional tempatan di samping fungsinya 90 peratus sama dengan bot sebenar.

“Minat bermula selepas arwah ayah saya bawa balik sebuah bot namun reka bentuknya saya lihat tidak serupa dengan bot tempatan yang ada sekarang.

“Daripada situ saya mula mencari seseorang yang boleh mengajar saya membuat bot bersaiz mini dengan reka bentuk bot tempatan yang boleh berfungsi sama dengan bot yang sebenar,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pantai Seberang Marang di sini.

Mohammad Shahmil yang berasal dari Kampung Rhu Renggeh di sini berkata, bot bersaiz 1.2 meter panjang dan 30 sentimeter lebar itu seberat 30 kilogram dan 12 kali ganda lebih kecil berbanding bot sebenar.

Katanya, dia mengambil masa selama dua tahun untuk mempelajari kaedah pembuatan bot daripada rakannya. Mat Nor Abu Bakar, 42, yang berasal dari Kampung Bukit Gasing di sini.

“Sebenarnya sehingga sekarang saya masih lagi belajar selok-belok pembuatan bot ini. Saya ambil masa 11 bulan untuk menghasilkan bot ini kerana perlu melalui banyak proses.

“Saya perlu kaji saiz bot asal dan aksesori yang sesuai kerana bot C2 lebih banyak aksesori. Lagipun saya buat secara sambil, kalau tumpu betul-betul boleh siap dalam tiga bulan sahaja,” katanya.



Ada yang menawarkan harga RM6,000 untuk bot nelayan yang dihasilkan oleh Mohammad Shahmil (kanan) ini tetapi dia tidak mahu menjualnya.



Mohammad Shahmil bersama replika bot yang diinspirasi daripada bot nelayan *Jasa-19*.



Mohammad Shahmil bermain bot nelayan kawalan jauh ciptaannya di Pantai Seberang Marang.

Bot yang mula dihasilkan pada Oktober 2018 dan siap September 2019 diinspirasi daripada bot nelayan *Jasa-19* di Tok Bali kerana lebih kepada reka bentuk asli bot tempatan.

Katanya, bagi memastikan bot tahan lama, dia menggunakan kayu pulai, tembaga, aluminium dan *stainless steel* sebagai asas utama pembuatan.

“Antara kelebihan kayu pulai ialah ringan dan tahan lama. Jadi saya gunakan 100 peratus kayu solid. Jika dijaga dengan baik, ia boleh tahan lebih 30 tahun,” katanya.

Namun begitu, Mohammad Sahmil tidak berhasrat menjual bot berkenaan kerana ia lebih kepada minat dan hobi.

“Ada yang tawarkan harga RM6,000 untuk beli bot ini. tapi saya tidak boleh terima kerana bot yang saya hasilkan ini adalah yang terakhir selepas bot kelas

C sebelum ini, malah kosnya juga lebih mahal dan fungsinya 90 peratus sama seperti bot sebenar.

“Kos bagi sesebuah bot tak termasuk enjin mungkin dalam RM3,000 ke RM4,000. Kalau dengan enjin kena tambah dalam RM2,000 bergantung pada jenis enjin yang digunakan,” katanya.

Menurutnya, bahagian kabin bot adalah paling sukar untuk dihasilkan terutama untuk menstabilkan bahagian kiri dan kanan bot mengikut spesifikasi sebenar.

Sementara itu, Mat Nor berkata, cabaran bagi bot yang dihasilkan ialah daya ketahanan kerana dimainkan di air masin.

“Cabaran bagi kita kerana bot yang dihasilkan ini dimainkan di air taut sesuai dengan ombak sebab ia lebih mencabar dan lebih memberikan kepuasan ketika bermain,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	✓	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	5.4.2021

NST M/S 12 5.4.2021

Escaped fish 'illegally farmed predatory species'

IPOH: The fish in hundreds of cages of a fish farming company in Teluk Intan that were washed away and escaped into Sungai Perak are suspected to be a predatory species farmed without permit. Perak Fisheries Department director Zaki Mokri said his department was investigating after suspecting that the *baung ekor merah* (red tail catfish), which are prohibited from being reared in cages in the country, also escaped, based on video clips that went viral. "The fish farm operator said 30 metric tonnes of red tail catfish escaped along with other species, while others died when the cages were washed away and damaged." He said he hoped the fish could be caught by anglers because there was concern that the predatory catfish would breed and pose a danger to the river ecosystem.